



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI  
KEDAH DARUL AMAN**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Pembekal-pembekal **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **MPSPK** serta mempunyai **Lesen KDN** adalah dipelawa untuk mendaftar bagi kerja-kerja sebut harga di bawah ini.

<b>BIL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>NO. SEBUT HARGA</b>	<b>KOD BIDANG</b>
1.	Sebut Harga Membekal dan Menghantar Dokumen Bercetak Untuk Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah Darul Aman	No. 03/2020 (PER)	020801 atau 020899 atau 222401

Harga Dokumen : **RM 10.00** Senaskhah (Tunai)

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan) mulai **16 Januari 2020** pada hari dan waktu seperti di bawah :-

**Ahad hingga Rabu** : **8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari**  
**2.15 petang hingga 4.45 petang**  
**Khamis** : **8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari**  
**2.15 petang hingga 3.15 petang**

Pembekal atau wakil pembekal dikehendaki membawa dokumen asal **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, **Lesen KDN** dan **Sijil Akuan Pendaftaran Pembekal** yang dikeluarkan oleh MPSPK.

Tarikh tutup sebut harga ialah pada **23 Januari 2020**, jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri, bertulis nama tawaran dan nombor sebut harga dan dihantar kepada **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman** atau dimasukkan terus ke dalam peti tawaran sebut harga di **Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan), Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

**Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.**